



NOTIS PEMBERITAHUAN

KERJA-KERJA UNDI SESI 20/02/19

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Ipoh akan mengadakan cabutan undi bagi kerja-kerja undi pada **5 September 2019 (Khamis)**.

Kategori kerja-kerja undi pada sesi ini adalah seperti berikut:-

Bil	Kategori	Kod Bidang
1.	Menurap Semua Jalan	CE 21
2.	Mengecat Bebendul Jalan	CE 21
3.	Pembersihan & Baikpulih Longkang Monsun	CE 21

Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai kerja-kerja undi adalah seperti berikut:-

- (a) Mempunyai sijil **PKK** (3 bulan sebelum tamat tempoh) dan **CIDB** (60 hari sebelum tamat tempoh) yang masih sah.
- (b) Tidak pernah mendapat tawaran kerja/perkhidmatan/pembekalan dalam tahun semasa (2019) dari pihak MBI.
- (c) Tidak mempunyai kerja semasa ketika pelaksanaan sesi kerja undi **20/02/19**.
- (d) Tidak mempunyai kontrak tahunan dengan MBI bagi tahun 2019.
- (e) Tidak pernah mendapat kerja undi dalam tahun 2019.
- (f) Setiap kontraktor/pembekal hanya dibenarkan mendaftar penyertaan dibawah satu (1) kategori kerja-kerja undi sahaja.
- (g) Tidak mempunyai sebarang tunggakan (cukai taksiran/kompaun/sewaan/semak samun) dengan MBI. Tunggakan hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tamat tempoh pendaftaran atas talian bagi memudahkan proses pendaftaran.
- (h) Wakil tidak dibenarkan untuk membuat cabutan pada hari mengundi.
- (i) Kontraktor/pembekal yang telah disenarai hitam oleh pihak **CIDB/KKM/PKK/MBI** adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja undi ini.
- (j) Kontraktor/pembekal yang bertaraf **Bumiputera** sahaja layak menyertai kerja-kerja undi ini.
- (k) Kontraktor/pembekal **PERLU** membawa bersama cetakan slip pendaftaran atas talian dan kad pengenalan semasa hari cabutan pelaksanaan sesi kerja undi **20/02/19**.

Sehubungan dengan itu, kontraktor/pembekal yang masih belum berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai kontraktor/pembekal MBI, adalah dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan Majlis Bandaraya Ipoh dengan kadar RM50.00 (CIDB GRED G1) bagi melayakkan untuk menyertai kerja-kerja undi. Tiada pendaftaran sebagai kontraktor/pembekal MBI pada tarikh 5 September 2019 (Khamis).

KERJA-KERJA UNDI AKAN DIADAKAN SEPERTI BERIKUT:-

TARIKH UNDI : 5 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

TEMPOH PENDAFTARAN ATAS : 28 OGOS 2019 (RABU), 12:01 PAGI HINGGA TALIAN 4 SEPTEMBER 2019 (RABU), JAM 12:00 T/HARI

PENDAFTARAN KEHADIRAN DAN SEMAKAN SIJIL : 5 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS) 8:30 PAGI – 10:30 PAGI

MASA CABUTAN UNDI : 11:00 PAGI


TEMPAT : BILIK GERAKAN, TINGKAT 2 BANGUNAN MBI

Hanya pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) DAN CIDB (DAERAH KINTA) sahaja yang dibenarkan menyertai kerja-kerja undi yang ditawarkan pada hari berkenaan. Pendaftaran kehadiran dan semakan sijil untuk kontraktor/pembekal yang hadir selepas jam 10:30 pagi adalah **TIDAK AKAN DILAYAN.**

Laman web: www.mbi.gov.my

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,


(DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)
Datuk Bandar Ipoh